



# Benarkan syarikat korporat terbabit program vaksinasi

Izwan Abdullah

[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



GAMBAR hiasan. FOTO BERNAMA

Kota Kinabalu: Kerajaan disaran membuka tawaran kepada syarikat korporat untuk membeli vaksin dan melaksanakan program imunisasi Covid-19 sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing.

Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO), Datuk Madius Tangau berkata, langkah itu perlu difikirkan bagi membantu kerajaan dalam usaha mempercepatkan pemberian vaksin Covid-19 bagi mencapai imuniti kelompok secepat mungkin.

Beliau berkata, syarikat besar seperti Petronas, Shell dan syarikat lain yang mampu membiayai program itu wajar diberi peluang untuk bersama-sama kerajaan melaksanakan pemberian vaksin di seluruh negara.

"Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin sebelum ini menyatakan program imunisasi boleh selesai pada November ini tetapi berdasarkan keadaan sekarang, UPKO berpendapat pertengahan tahun depan pun belum tentu selesai.

"Sebabnya semua berada di tangan kerajaan, menyebabkan kapasiti yang mampu ditampung adalah terhad. Jadi kenapa tidak kerajaan benarkan syarikat korporat, selain kerajaan negeri untuk membeli vaksin dan melaksanakan program pemvaksinan sebagai CSR.

"Maknanya program vaksinasi perlu inklusif, semua pihak terbabit," katanya pada sidang media secara dalam talian, di sini, hari ini.

Isu vaksin adalah antara sembilan perkara yang dibawa UPKO ketika

## Trending



**Buang bayi, pasangan kekasih ditahan**



**Anak syurga jadi penyelamat**




**Polis siasat insiden penguat kuasa PBT bergelut dengan peniaga [METROTV]**



**Cikgu Roslan kental walau disapa dugaan**



**Jika lahir, di mana bayinya?**



**UPDATE: Rekod pendaftaran dah tiada!**

sesi menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menerusi persidangan video, hari ini.

Madius berkata, kerajaan juga perlu menambah jenis vaksin yang diberikan kepada rakyat negara ini berdasarkan kelulusan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pada masa sama, katanya kerajaan perlu menyelesaikan kecelaruan mengenai pendaftaran program vaksinasi terutama di Sabah, berikutan ramai yang mendapat lokasi pusat pemberian vaksin (PPV) jauh dari tempat tinggal termasuk ada yang diberikan lokasi di Semenanjung.

Sementara itu, Madius yang juga Ahli Parlimen Tuaran berkata, UPKO turut bersetuju supaya kerajaan memberikan vaksin kepada pendatang asing tanpa izin (Pati) bagi mencapai imuniti kelompok, terutama di Sabah.

"Ini kerana Pati juga berpotensi mencetus kluster Covid-19, malah golongan inilah yang mencetuskan Kluster Benteng di Tawau dan Lahad Datu selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) pada Oktober lalu," katanya.

Dalam hal lain, beliau berkata UPKO turut membangkitkan keperluan untuk memastikan pelaksanaan dasar oleh pelbagai kementerian tidak bercelaru hingga membingungkan rakyat termasuk berkaitan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Rakyat bingung apabila SOP sering berubah, pagi lain, petang lain hinggakan ada yang menamakan SOP sebagai 'semua orang pening'. Perkara ini perlu diberikan perhatian supaya tidak berlarutan," katanya.

- [Lagi berita berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan](#)
- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 14, 2021 @ 7:29pm

Artikel Berkaitan



**MUTAKHIR**  
[Kejayaan UK catat kematian sifar yakinkan Kerajaan terhadap program imunisasi](#)



**MUTAKHIR**  
[7 juta dos vaksin untuk kerajaan negeri, GLC dan swasta](#)



**MUTAKHIR**  
[Hospital swasta sudah mula berikan suntikan vaksin Covid-19 hari ini](#)



**UTAMA**  
[Vaksin: Setahun untuk negara capai imuniti kelompok](#)

Mutakhir



[4,688,233 individu sudah terima suntikan vaksin](#)



[Polis cari lima suspek kes samun, pukul pembantu kedai](#)



[Buang bayi, pasangan kekasih ditahan](#)



[PGA tumpaskan sindiket ketum di JB, Kulai](#)



[Pemuda sindrom down gigih teman bapa ke PPV](#)



[Anak syurga jadi penyelamat](#)

MyResipi




[Tips Pilih Buah Durian Supaya Dapat Isi Yang Lemak, Cantik & Sedap. Barulah Berbaloi Kalau Beli!](#)



[Jom Buat Roti Bakar Kaya Butter Ala Kopitiam, Guna 3 Bahan Je!](#)



**Invest in successful companies like...**  
Smartinvest.com



**Tesla and other companies are delivering...**  
Invest in Tesla



**Dubai Villa Prices Fall to Lowest Point in...**  
Mansion Global



**Former Superyacht of Fugitive...**  
Mansion Global



**Tips Mudah Kopek Kerang, Supaya Isi Tidak Hancur & Kekal Cantik**



**Resepi Kuey Teow Goreng Sup Siam, Terlajak Sedap!**



**Tips Bagi Mengekalkan Kelembutan Daging, Confirm Tak Liat!**



**Mark Zuckerberg Buys 600 Acres on Kauai in \$53...**  
Mansion Global



**Mansion Global Daily: Celebs in the New York...**  
Mansion Global



**Petaling Jaya: Liquidation Of Unsold 2020...**  
SUV Deals | Search Ads



**Comfortable Mattresses in 2021 Might Be...**  
Mattresses | Search A...



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.  
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami  
Team myMetro  
RSS Feed  
Disclaimer  
Notis Perlindungan  
Data Peribadi

Utama  
Mutakhir  
Global  
Arena  
Rap/Rapxtra  
Bisnes  
MetroTV

Akademia  
#ITMetro  
Ku Bela  
Santai  
P&P  
Dekotaman  
WM

Addin  
Rencana  
Sihat  
Xpresi  
Vroom  
Galeri  
Infografik